

# Keris Warisan Datuk



Saedah Mohamed Hussien

Nabil dan Nabilah sedang menikmati minuman petang yang dihidangkan oleh ibu. Sambil minum, mereka **bersembang**.

“Ibu, boleh tak kita balik kampung jumpa Datuk dan Nenek? Rindulah nak dengar cerita Datuk,” tanya Nabil meminta izin.

“Yalah, sudah lama kita tidak melawat Datuk dan Nenek,” kata Nabilah yang bersetuju dengan kata-kata Nabil.



“Baiklah, esok kita balik kampung! Tetapi, pastikan kamu berdua selesaikan semua kerja cuti sekolah dahulu,” kata ibu. Wajah Nabil yang tadi resah gelisah berubah jadi ceria.

Malam itu, mereka sekeluarga tidur awal. Walaupun jarak Singapura dan Melaka sejauh 205 kilometer, mereka terpaksa bertolak awal agar tidak terperangkap dalam kesesakan di Pusat Pemeriksaan Woodlands.

“Nabilah, cepatlah! Ayah sudah tunggu di bawah!” teriak Nabil.

Nabilah asyik berswafoto di hadapan cermin. Maklumlah, jarang dia berbaju kurung. Apatah lagi, baju kurung itu dijahit oleh Neneknya sendiri.

“Baiklah, Abang! Nabilah turun ni!” Tatkala mendengar teriakan Nabil, Nabilah segera turun.

Dalam perjalanan pulang ke kampung, Nabil dan Nabilah tidak berhenti bercerita. Nabil memberitahu Nabilah yang dia tidak sabar untuk duduk di **anjung** rumah Datuk. Dia rindu masa bersembang dengan Datuk dan Nenek mereka.

“Eh, itu Nenek!” pekik Nabilah sebaik sahaja melihat Nenek berdiri di tepi tingkap di **serambi** rumah.

Nenek melambai ke arah Nabil dan Nabilah. Nabil dan Nabilah segera menyalam Nenek lalu bertanya di mana Datuk kesayangan mereka.

“Lagi kejang, Datuk balik, Nabil,” kata Nenek.

“Nenek, siapa pemuda-pemuda dalam gambar ini?” tanya Nabil apabila terpancang sebuah bingkai gambar yang tergantung di anjung rumah.



“Rasa-rasa, dahulu, Nabilah tidak pernah nampak gambar ini di rumah ini,” sampuk Nabilah sambil menggaru-garu kepalanya.

“Oh, itu gambar Datuk dan sahabat karibnya. Mereka berdua memang pandai bersilat dan menggunakan keris untuk **mempertahankan** diri. Dahulu, Datuk belajar membuat keris daripada seorang empu. Kalau Datuk pulang nanti, tanyalah dia,” jelas Nenek.

Tiba-tiba, fikiran Nabil melayang jauh. Nabil teringat akan kisah Hang Tuah yang memiliki sebilah keris sakti. Di dalam kisah tersebut, Hang Tuah telah membunuh Hang Jebat dengan sebilah keris yang diberi nama “Taming Sari”.



“Mungkin, Datuk masih menyimpan keris tersebut? Datuk pandai membuat keris? Mengapakah Datuk tidak pernah ceritakan tentang kemahirannya itu?” Kepalanya bercelaru dengan pelbagai soalan.

“Tuk, tuk! Tuk pandai membuat keris? Ceritalah! Kami ingin tahu,” sampuk Nabil sebaik sahaja melihat kelibat Datuknya di anjung. Tiba-tiba, kelopak mata Datuk berlinang dengan air mata. Mungkin, Datuk berasa **sebak** mengenangkan kisah lampau.

Perasaan ingin tahu lebih lanjut tentang keris semakin mendalam. Nabil memandangi Nabilah seketika. Dia ingin Nabilah membantunya membongkar banyak lagi rahsia di sebalik keris tersebut.

Datuk mencelah dan menceritakan peristiwa pahit yang dilalui bersama kawan baiknya, Ismail, semasa mereka pergi memburu di hutan dahulu.

Datuk menceritakan bagaimana tiba-tiba, seorang penjahat telah datang menyerang mereka dan Datuk telah menggunakan keris untuk mempertahankan diri.

Walau bagaimanapun, keris Datuk terlepas dari pegangannya dan kawan baik Datuk telah ditikam dengan kejam oleh si penjahat. Datuk kehilangan kawan karibnya.

Keris itu pula dibuangkan ke dalam sebatang sungai. Keris itu sudah **lenyap** dari pandangan Datuk. Hingga kini, Datuk tidak dapat melupakan peristiwa pahit itu! “Jika bukan kerana Ismail, mungkin Datuk tidak dapat hidup dan meneruskan kehidupan di kampung ini,” keluh Datuk.



“Besarnya sungguh pengorbanan Tuk Ismail kepada Datuk!” kata Nabil sambil memeluk Datuk.

“Nabil ingin menjadi seorang yang berani dan sanggup berkorban apa sahaja demi keluarga,



saudara dan negara,” kata Nabil dengan penuh semangat.


“Jika Nabilah dewasa kelak, Nabilah ingin jadi seorang ahli bomba yang berani mati menyelamatkan sesiapa sahaja dalam bahaya, seperti Tuk Ismail,” ujar Nabilah pula.

Daripada cerita Datuk itu, Nabil dan Nabilah mempelajari tentang sifat tanggungjawab yang perlu ada di dalam diri seseorang. Bukan sahaja untuk mempertahankan diri sendiri, bahkan juga sifat tanggungjawab untuk melindungi orang-orang di sekeliling. Lebih-lebih lagi orang yang kita kasihi seperti sahabat dan ahli keluarga.

“Kata Nenek, Datuk pandai membuat keris? Adakah keris yang Datuk buang itu hasil air tangan Datuk?” tanya Nabilah.

“Datuk mula berjinak dalam bidang penghasilan keris sejak berumur 12 tahun,” jelas Datuk.





Menurut Datuk, ilmu penghasilan keris dipelajari daripada bapanya. Bapanya pernah menghasilkan keris untuk pembesar istana dan keluarga diraja suatu masa dahulu.

Datuk menjelaskan yang seni membuat keris bukan kerja mudah kerana keris ialah sejenis senjata tradisi yang sarat dengan nilai seni dan cara



pembuatannya pula memerlukan ketekunan serta ketelitian yang tinggi.

Semangat meneruskan pembuatan keris Melayu itu terpancar menerusi ketekunan Datuk yang sanggup **bersekang mata** untuk menghasilkan keris yang tinggi nilai estetika.

Nabil dan Nabilah berasa **teruja** dengan kesungguhan Datuk mempelajari cara-cara membuat keris semasa mudanya.

Kata Datuk lagi, dia ingin cuba-cuba menarik minat orang-orang muda di kampung agar mempelajari cara-cara membuat keris daripadanya.

Ternyata, lawatan Nabil dan Nabilah ke kampung kali ini sungguh bermakna.

“Ayuh, kita tolong Datuk buat poster supaya kita dapat uar-uarkan hasrat murni Datuk ini!” cadang Nabil kepada Nabilah.

“Nabilah, setuju!” jerit Nabilah.



# Glosari

---

<b>bersebang</b>	bercakap-cakap atau berbual-bual
<b>berswafoto</b>	mengambil gambar foto dengan usaha sendiri menggunakan kamera telefon pintar atau kamera digital
<b>serambi</b>	ruang memanjang di bahagian hadapan yang bersambung dengan rumah ibu (di bahagian luar rumah) serta beratap dan berdinding rendah
<b>anjung</b>	bahagian depan rumah yang dijadikan tempat berehat-rehat
<b>sebak</b>	sedih
<b>lenyap</b>	hilang
<b>pewaris</b>	penerima pusaka
<b>mempertahankan</b>	melindungi
<b>teruja</b>	bersungguh-sungguh
<b>bersekang mata</b>	tidak tidur





## Trivia

Tahukah kamu tentang ...

Keris dijadikan cenderamata antara kerajaan. Misalnya dalam Hikayat Hang Tuah, Sultan Melaka menerima dan menghadiah keris kepada negeri-negeri sahabat dan juga taklukannya.



## Aktiviti Bersama Keluarga

Corakkan keris warisan ini. Kemudian, kongsi bersama ibu bapa kamu mengapa kamu memilih corak tersebut.

